

SOALAN NO.: 153

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI
ANNUAR BIN MUSA
KAWASAN : KETEREH**

SOALAN:

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI ANNUAR BIN MUSA minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan projek-projek khidmat masyarakat KKR terutamanya di kampung-kampung dan apakah perkembangan terkini projek naik taraf jalan Persekutuan di Kelantan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sebanyak 42 Program Latihan Praktikal dan Khidmat Masyarakat (CSR) telah diadakan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) di seluruh Malaysia semenjak tahun 2015 melibatkan 6091 kontraktor Bumiputera. Ia dilaksanakan bersama masyarakat setempat dengan membaikpulih kemudahan awam. Mata *Continuous Contractor Development* (CCD) akan diberikan kepada kontraktor yang terlibat. Bagi negeri Kelantan, program khidmat masyarakat bagi tahun 2016 dan 2017 telah diadakan seperti di dalam Jadual di bawah:

Jadual 1: Program Khidmat Masyarakat Negeri Kelantan

Tahun	Tempat	Deskripsi	Penglibatan Agensi
2016	Masjid At Taqwa Taman Uda Murni Taqwa, Kota Bharu	hiasan dalaman seperti mengecat serta pemasangan jubin.	Persatuan Nelayan
2017	Masjid Mukim Senok, Tawang, Bachok	memasang kerangka keluli bumbung dan blok konkrit ringan	Syarikat Brickwell Engineering

Berhubung dengan projek naik taraf jalan Persekutuan di Kelantan pula terdapat 5 projek naiktaraf jalan persekutuan di Kelantan yang dimana 1 projek dalam peringkat perolehan dan 4 projek dalam peringkat pembinaan.

Projek dalam peringkat perolehan adalah projek Membina Flyover Dari Arah Kota Bharu Merentangi Bulatan Wakaf Bharu Ke

15b

Pengakalan Kubor, Kelantan yang dijangka bermula pembinaan pada Mac 2018.

Bagi projek dalam peringkat pembinaan, projek terlibat beserta status kemajuan sehingga 20 September 2017 adalah seperti berikut:-

- i. Projek Baiki Jalan Kota Bharu – Kuala Terengganu, KM10 – KM21, Kelantan
 - Kemajuan fizikal : 73.0%

- ii. Jalan Pasir Mas Bypass Fasa 2, Kelantan
 - Kemajuan fizikal : 57.0%

- iii. Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Dan Meningkatkan Aras Jalan Di Seksyen KM326.70 Jalan Persekutuan FT008, Jalan Kuala Krai Ke Kota Bharu, Kelantan
 - Kemajuan fizikal : 77.0%

- iv. Pembinaan Persimpangan Bertingkat (Elevated T-Junction) Di Atas Lintasan Keretapi Di Pekan Tanah Merah, Kelantan (Reka & Bina)
 - Kemajuan fizikal : 18.0%

Sekian, terima kasih.